

Hasil padi merudum hingga 50 peratus,
kos import beras meningkat

Baja lewat, negara rugi jutaan ringgit

KELEWATAN pengedaran baja bersubsidi kepada pesawah di jelang padi utama negara didakwa menyebabkan hasil padi merosot ketara, dengan ada kawasan mencatatkan penurunan sehingga 50 peratus bagi satu hektar. Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia, Dr Ahmad Hanis Izani Abdul Hadi berkata, kelewatan itu mencetuskan kesan ekonomi berantai termasuk peningkatan kos

import beras, tukaran mata wang dan harga input, dengan kerugian kepada negara dianggarkan mencecah jutaan ringgit, malah berpotensi puluhan juta ringgit. Di peringkat lapangan, pesawah pula mendakwa baja yang tiba lewat pada fasa kritikal pembajaan memaksa mereka menanggung kos tambahan sendiri bagi mengelakkan tanaman terus terbantut. **Mukasurat 2 & 3**

Mukasurat 11

12 perubahan baharu
menanti rakyat
Malaysia
pada 2026
Mukasurat 15



Kesan daripada
kelewatan pesawah
menerima bekalan
baja bersubsidi

Oleh NURUL HUDA HUSAIN, WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR dan SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SHAH ALAM - Negara menanggung kerugian besar sehingga mencecah jutaan ringgit berikutan kemerosotan hasil padi akibat kelewatan penerimaan bekalan baja bersubsidi oleh pesawah.

Pensyarah Kanan Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Hanis Izani Abdul Hadi berkata, kerugian itu mengambil kira kesan berantai termasuk peningkatan kos disebabkan kelewatan tersebut.

Menurut beliau, baja merupakan antara kom-

ponen penting dalam penanaman padi untuk pertumbuhan daun, akar dan ketahanan penyakit, seterusnya bagi meningkatkan hasil serta kualiti padi secara signifikan agar ia dapat dituai mengikut tempoh waktu ditetapkan.

"Kalau kita lihat peruntukan kerajaan untuk membantu golongan pesawah ini sahaja pun sudah berjuta-juta khususnya bagi insentif bantuan baja ini sendiri. Banyak subsidi yang diberikan,

"Apabila kita gagal untuk capai hasil yang disasarkan, kesannya amat besar, termasuk perlu menambah peruntukan import beras kerana bekalan dalam negara tidak mencukupi."

LAPORAN
MUKA
DEPAN

LAPORAN
KHAS
**Suara
Rakyat**



AHMAD HANIS



Lewat pesawah lewat menerima baja bersubsidi bukan perkara baharu tetapi kebimbangan itu sering dibangkitkan setiap kali tiba musim. Gambar: Hanis

JUMLAH SUBSIDI YANG DISALURKAN KEPADA PESAWAH

BAGI belanjawan 2025, kerajaan sediakan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion kepada pesawah dalam bentuk subsidi dan insentif.

DARIPADA JUMLAH TERSEBUT:

- > RM1.38 bilion adalah subsidi input pertanian
- > RM825 juta adalah penyediaan subsidi/insentif output pertanian
- > RM397 juta insentif dan bantuan (anggaran subsidi RM4,302.20 setiap pesawah sehektar semusim).

JUMLAH SUBSIDI DAN INSENTIF

Tahun 2023: RM1.9 bilion
Tahun 2024: RM2.4 bilion
Tahun 2025: RM2.6 bilion

SUBSIDI SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN

Tahun 2023: RM388 juta
Tahun 2024: RM576.29 juta
Tahun 2025: RM607.34 juta

SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI

- Bantuan input pertanian dalam bentuk baja tambahan, racun mauluk perosak, kerja pengkapuran dan pembajaan.

Tahun 2023: RM363 juta
Tahun 2024: RM585.84 juta
Tahun 2025: RM632.29 juta

SKIM SUBSIDI HARGA PADI
• Bantuan setiap tan padi bersih
Tahun 2019:
RM360/tan
Tahun 2023 (9 Ogos):
RM500/tan

SUBSIDI INPUT PERTANIAN
PER HEKTAR
• Purata pengeluaran 3.5 tan
metrik per hektar

Benih padi sah	RM144.20
Baja sebatian	RM492.00
Baja urea	RM156.00
Upah bajak	RM100.00
Baja tambahan NPK	RM360.00
Racun	RM200.00
Pengapuran serta upah	RM1,100.00
Subsidi harga padi (output) per tan padi bersih RM500/tan X 3.5 tan	RM1,750.00
JUMLAH SUBSIDI	RM4,302.20

Sumber: KPKM

katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, kerugian yang ditanggung negara turut merangkumi penambahan kos import beras, tukaran wang, peningkatan harga baja atas pelbagai faktor seperti inflasi dan sebagainya.

"Saya tidak mempunyai angka spesifik tetapi apa yang saya boleh kata kerugiannya besar hingga mencecah jutaan ringgit, ditambah pula hasil pengeluarannya yang sedikit disebabkan lewat menerima baja subsidi," katanya.

Jelas Ahmad Hanis, isu pesawah lewat menerima baja bersubsidi juga bukan perkara baharu tetapi kebimbangan itu sering dibangkitkan kumpulan berkenaan setiap kali tiba musim.

Ujarnya, bantuan baja melalui Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) pada dasarnya merupakan komitmen kerajaan untuk membantu golongan pesawah di negara ini dalam meningkatkan hasil padi masing-masing.

Sebagai langkah untuk menangani isu yang masih membelenggu sebahagian besar pesawah itu, beliau mencadangkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian segera oleh semua agensi terlibat.

"Elemen perancangan dan pengurusan dalam menyalurkan baja bersubsidi ini merupakan antara perkara perlu ditambah baik bagi memastikan pesawah tidak berdepan masalah yang boleh mengakibatkan hasil mereka merosot.

"Penelitian terhadap aspek ini perlu ditambah baik segera kerana isu utamanya melibatkan prosedur semata-mata. Ini kerana, semua pihak terlibat sudah sedia maklum dengan jadual penanaman padi sebenarnya kerana ia sudah ada musim-musim tertentu.

"Kalau perkara ini diteliti dengan baik, ia dapat selesaikan isu yang telah lama berbangkit ini," katanya.